



**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI KASTAM SEDUNIA KE-42  
TAHUN 2024**

**23 JANUARI 2024 | SELASA**

**DEWAN PERDANA, PUSAT KONVENSYEN  
ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh* dan Salam sejahtera.

*Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem.*

## **SALUTASI**

**Yang Berhormat Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail**

Menteri Dalam Negeri,

**Yang Berhormat Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan**

Menteri Kewangan II,

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**

Ketua Setiausaha Negara,

**Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

**Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying**

Timbalan Menteri Kewangan,

**Yang Berbahagia Dato' Anis Rizana Binti Mohd Zainudin**

Ketua Pengarah Kastam Malaysia, dan

Seluruh keluarga Kastam.

1. Saya mulakan dengan menyatakan penghargaan dan mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT atas sesi ini. Bukan sahaja acara Hari Kastam Sedunia ke-42, tetapi dapat bersama menyaksikan dan mendengar laporan yang membanggakan, bukan sahaja Kastam tapi negara. Saya percaya rakan-rakan Menteri, KSN dan KSP juga mendengar dengan tekun dan teliti. Tentunya sebagai satu agensi penting dan disebut tadi tonggak dalam ekonomi dan juga penguatkuasaan negara.
2. Kastam punyai peranan yang besar dan langkah kita dalam Negara MADANI ini saya rumuskan sebagai "*Itqan Fil Amaal*", menyempurnakan tugas dan kesediaan untuk memperbaiki, meningkatkan *striving for excellence*. Kita lihat dan saksikan dari tahun ke tahun sejak awal, Kastam telah memainkan peranan. Tetapi, selari dengan anjakan dan lonjakan yang ditekankan dalam negara sekarang, kita mengharapkan sesuatu yang lebih baik. Kita punya keupayaan. Negara ini sebenarnya bertuah. Kelemahan-kelemahan yang sudah kita kenal pasti harus kita perbaiki.

3. Untuk seluruh keluarga Kastam, kita dengar berita yang membanggakan. Sebab itu saya menyokong usaha-usaha Ketua Pengarah, Timbalan dan pimpinan untuk terus bertegas memperbaiki disiplin dan menjadikan Kastam Malaysia ini sebagai satu badan yang cukup wibawa, punya integriti, sesuai dengan semangat baru MADANI untuk melonjakkan kita ke tahap yang lebih tinggi. Tidak ada sebab mengapa Malaysia harus kekal dalam keadaan sekarang.
4. Semalam di acara lain di Universiti Malaya, Persidangan Antarabangsa Pendidikan Sedunia, saya singkap laporan PISA yang menganalisa kejayaan pendidikan terutama dalam bidang Matematik, Sains, Bahasa Inggeris di 81 negara. Malaysia telah corot di peringkat 51. Di antara 7 negara ASEAN, Malaysia paling bawah, menurut kajian tahun 2022.
5. Kita kata sebab COVID, negara lain pun terlibat dengan COVID-19. Ini bukan maksud saya untuk meremehkan usaha yang lalu atau menyatakan guru-guru tidak berperanan dan ibu bapa tidak punya kesedaran, tetapi kita mesti terima kenyataan ada masalah. Dan kalau kita tidak ambil langkah yang berani dan melakukan anjakan, perbaiki, anak-anak kita akan terkesan. Anak-anak saudara

juga akan terlibat dan oleh yang demikian, pilihan kita adalah untuk melakukan perubahan.

6. Ini isu besar yang kita bicarakan, bagaimana kita boleh angkat? Dalam Ekonomi MADANI kita cerakinkan beberapa isu. Bagaimana perubahan dalam semua bidang, dalam bidang digital yang disebut transformasi digital termasuk Kastam, Polis dan semua agensi penguatkuasaan, agensi dalam negara dalam sistem pendidikan. Ya, kita bicara soal peralihan tenaga kerana negara tidak boleh bergantung lagi kepada sumber tenaga lama yang disebut *energy transition*. Tapi dalam semua bidang ini yang menjadi tonggak asas mendasari semua ini adalah khidmat kita, keikhlasan kita, cara kita mengurus yang disebut tata kelola yang baik.
7. Jadi sementara saya turut hadir untuk menyatakan penghargaan yang membanggakan secara peribadi, Kementerian Kewangan dan bagi pihak Kerajaan keseluruhannya. Kalaulah tidak ada peningkatan kecekapan, kalaulah dibiarkan ketirisan, boros dan membiarkan satu, dua kelompok kecil memindahkan kekayaan untuk diri dan keluarga mereka, tak mungkin pihak Kastam Diraja boleh mencatat satu perolehan kutipan yang membanggakan lebih daripada yang dahulu.

8. Ini mencatat rekod bagi negara dan ini apa maknanya bila saudara dapat mengumpulkan 55.1 bilion ringgit? Maknanya hasil negara bertambah dan kalau negara itu mempunyai pimpinan yang tegas elak daripada ketirisan, wang yang saudara kutip itu akan kembali kepada anak-anak kita di sekolah, ibu bapa kita yang dirawat di hospital, prasarana lebih baik.
9. Jadi tanggungjawab saudara mengumpul dana. Tanggungjawab semua jabatan lain memastikan dana itu diurus dengan baik. Jadi saya akan tentunya sampaikan juga kepada rakan-rakan yang lain bahawa kejayaan saudara-saudara adalah sumbangan besar kepada keluarga kita di seluruh negara. Sebab itu kerjasama dengan badan-badan penguatkuasaan lain itu sangat penting. Kastam, PDRM, APMM, agensi di sempadan. Semua kerjasama itu penting kerana kita berhadapan dengan kelompok-kelompok yang rakus, penyeludup yang canggih dan kehilangan dana akibat penyeludupan keluar dan masuk minyak, dadah, rokok, arak itu mencecah puluhan bilion ringgit.
10. Saya berasa lebih yakin dengan pimpinan di Kastam ini dan pasukannya yang punya komitmen bahawa kita dapat bersama-sama bukan sahaja mengumpul dana yang lebih baik tapi membanteras penyeludupan yang merosakkan

negara kita. Dan saya percaya Insya-Allah sasaran kita unjuran bagi tahun 2024 ini akan bukan sahaja dapat dicapai, tapi kalau diurus dengan seluruh semangat yang ditunjukkan pada hari ini, luar biasa semangatnya, saya yakin Insha Allah kita akan melepasi sasaran itu.

11. Sebagai penghargaan kepada JKDM pada peringkat ini, dan penghargaan ini bukan sahaja kutipan cukai yang kadang-kadang bolos juga. Kita tahu sebab itu saudara-saudara yang hadir dalam mesyuarat pasca kabinet mingguan kadang-kadang lihat nada saya juga keras dan tidak ada sebab hal ini berlaku. Maknanya segelintir kecil merosakkan imej dan pengorbanan ramai rakan-rakan.
12. Tetapi kita juga menyaksikan catatan yang membanggakan termasuk pihak JKDM, pihak Kastam ini dengan dalam dalam usaha untuk banteras penyeludupan dadah yang sudah mencecah jumlah yang agak besar. Dan bila ada ketegasan kita lihat umpamanya baru-baru ini PDRM juga telah mengambil langkah bertindak, malah menangkap dan hari ini mendakwa kelompok yang bermaharajalela sekian lama. Iaitu penyeludup dadah terkenal di Sabah.
13. Jadi saya hargai dan saya menaruh keyakinan. Sebab itulah saya boleh beri jaminan bonus tahun ini akan lebih baik daripada sebelumnya. Ini diumumkan oleh Perdana

Menteri yang tak ambil gaji dan Menteri-menteri yang dipotong 20% gaji mereka. Tapi ada beberapa masalah dan saya percaya Dato' Anis Rizana akan bincang dengan Kementerian Kewangan. Kadang-kadang ada isu lain yang harus ditangani untuk memberikan penyelesaian dan keadilan kepada pegawai-pegawai di semua peringkat.

14. Perumahan satu masalah besar dan tahun lalu seperti sudah tahu, saya arahkan supaya semua tandas sekolah di negara diperbaiki. Belanja hampir 1 bilion ringgit untuk perbaiki tandas sekolah anak-anak dan cucu saya. 8,600 lebih tandas yang terbiar sekian lama. Tahun ini kita sediakan 2 bilion ringgit untuk perbaiki perumahan penjawat awam termasuk perumahan Kastam. Tetapi memandangkan prestasi JKDM itu yang membanggakan, maka peruntukan awal 20 juta itu kita tambah untuk Kastam sahaja 50 juta ringgit. Ini selain daripada yang kita umumkan supaya perumahan kita itu diperbaiki dan tidak sangat uzur dan daif selain daripada usaha untuk membina projek-projek perumahan baru.
15. Perumahan dalam keadaan daif, kita tengok keluarga kita yang dalam pasukan tentera bekerja bertungkus-lumus berkhidmat, kepada saudara Cobra pagi malam dan menyabung nyawa, menerima ugutan pelbagai. Tetapi layanan dari segi perumahan tu sangat daif. Sebab itu bagi



PDRM, Angkatan Tentera Malaysia, APMM dan JKDM kita bagi keutamaan perumahan tahun 2024. Dan saya minta disegerakan, tak ikut proses tender biasa. Dia terpaksa kita ikut tender kerana bila tidak ikut tender, amalan dulu bila ada rundingan ini, 10%, 20% dia bocor ke lain. Sebab itu proses tender itu harus dipatuhi tapi boleh dipercepatkan, boleh disegerakan.

16. Kadang-kadang kalau tengok rumah itu robek, tandas yang rosak. Nak tunggu tandas siap 6 bulan itu satu penyeksaan artinya, penderaan kepada anak-anak kita. Jadi untuk kes-kes seperti itu patut disegerakan dan walaupun saya umumkan 50 juta, seandainya ada keperluan tambahan, percayalah Insya-Allah kita tambah untuk JKDM.
17. Selain daripada itu, hal kebajikan staf itu kita kena jaga. Terutama dari kalangan yang berpendapatan rendah. Soal pendidikan anak-anak mereka, kemudahan-kemudahan asas seperti peranti komputer. Kemudahan-kemudahan ini harus dikenal pasti supaya anak-anak Kastam yang ke sekolah mempunyai kemudahan-kemudahan asas ini. Sebab apa saya beri tekanan yang khas? Kerana saya hargai sumbangan dan pengorbanan saudara dan ini yang juga akan terpakai kepada PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia. Supaya ibu bapa dan bapa yang bertarung nyawa, menyabung nyawa bertarung di barisan hadapan

tidak rasa terlalu terganggu kerana masalah di rumah dia atau kemudahan asas anak-anak di sekolah. Dia ada beberapa pertimbangan khas yang sedang kita rangka dan KSP saya ada beri arahan *I consider it's done as soon as possible* Insha-Allah.

18. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya bangga dapat bersama pada hari ini. Kastam ini kita memang biasa saya lalui tiap-tiap kali kena ditanya oleh Kastam, terutama dahulu sebagai ketua pembangkang. Tapi mereka layan saya sangat baik. Terima kasih banyak-banyak.
19. Tetapi ada satu kisah yang saya cerita di mesyuarat pasca kabinet. Tahun lalu beberapa bulan setelah sahaja Perdana Menteri. Sahabat lama saya seorang Arab, dia tiap tahun bagi saya satu tong minyak zaitun. Jadi saya bawa dan bagi kepada keluarga dan kawan-kawan dan staf. Satu tong minyak zaitun yang ditanam di kawasan rumah dia. Tahun ini, Kastam Klang dikenakan cukai RM500 kepada saya. Saya katasaya bukan meniaga tapi saya tidak mahu rayu. Saya nak bagi contoh kalau Perdana Menteri pun terpaksa bayar cukai, rakyat lain jangan menipu. Itu beza kalau orang lain Perdana Menteri, dia rasa dia hebat beli barang barang ratus-ratus juta tak mahu bayar cukai. Saya minyak zaitun untuk makan sendiri dan

keluarga dikenakan cukai dan saya bayar kerana saya ingin contoh baik supaya rakyat boleh belajar.

20. Jadi sekali lagi, terima kasih saudara. *You have done a great service to this nation, I salute you.* Semoga Allah memberkati usaha kita bersama dan angkat martabat negara Malaysia ini sebagai negara hebat di rantau ini semula Insya-Allah.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

